

# Teknik kompos boleh bantu jana pendapatan

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**  
ashriq.ahmad@utusan.com.my



**P**EMINDAHAN teknologi dan ilmu dari universiti kepada komuniti telah lama diamalkan termasuk oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), merupakan contoh terbaik badan yang bertanggungjawab melaksanakan tugas tersebut bagi pihak UPM.

Terbaharu, UCTC dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Hutan Sarawak (JHS) menganjurkan program Pembangunan Pusat Pengkomposan dan Kemahiran Komuniti Desa di desa Long Semadoh, Lawas, Sarawak.

Menurut Pengarah UCTC UPM, **Prof. Madya Dr. Hawa Ze Jaafar**, projek tersebut merupakan salah satu inisiatif kerjasama universiti di bawah Program Transformasi Luar Bandar, Strategi Transformasi Biru Kebangsaan (NBOS) 4, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Jelasnya, projek itu bagi tempoh selama 12 bulan bermula dari Ogos 2016.

"Di sini kami menyasarkan penglibatan seluruh komuniti daripada 10 buah kampung di sekitar Long Semadoh,

Lawas, Sarawak dalam aktiviti pembuatan baja kompos dan peningkatan kemahiran komuniti.

"Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk menerusi peningkatan pendapatan daripada hasil jualan kompos dan produk industri asas tani," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis praperasmian Pembangunan Pusat Pengkomposan dan Kemahiran Komuniti Desa Long Semadoh yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri KPDNKK, **Datuk Henry Sum Agong**.

Selain itu, program tersebut turut memastikan kelestarian alam dan kebersihan kawasan melalui pemuliharaan bahan asli dan peningkatan jaminan makanan masyarakat setempat.

Dalam pada itu, usaha tersebut juga turut menjadikan pusat pengkomposan di Desa Long Semadoh sebagai pusat rujukan setempat agar boleh diaplikasikan oleh komuniti di desa lain.

Dalam merealisasikan projek tersebut pihak UCTC bersama JHS telah melaksanakan beberapa aktiviti bermula dengan kajian *Rapid Rural Appraisal*.

Kajian tersebut melibatkan penduduk desa seramai 50 orang sebagai responden bagi melihat

sumber dan potensi yang ada untuk dikembangkan.

"Pada minggu sebelumnya, satu kumpulan penggerak daripada UCTC telah melaksanakan demonstrasi penghasilan kompos serta jem nanas serta kerepek," katanya.

Maklum balas yang diterima daripada penduduk Desa Long Semadoh amat menggalakkan dan memperlihatkan kesungguhan untuk mempelajari kaedah pembuatan jem nanas, betik serta pelbagai kerepek berasaskan pisang, ubi kayu, keledak dan juga keladi.

Aktiviti tersebut tidak hanya memfokus kepada penghasilan semata-mata tetapi turut diperkenalkan dengan elemen-elemen penting yang lain dalam keusahawanan.

Antaranya, proses pembungkusan, penjenamaan dan pemasaran bagi baja kompos dan produk berasaskan pertanian.

UPM juga percaya menerusi pemindahan teknologi serta ilmu tersebut dapat dimanfaatkan oleh komuniti Long Semadoh biarpun selepas UPM tidak lagi

UTUSAN MALAYSIA  
23/1/2017 p. 20



**ANTARA** produk yang dihasilkan kerepek pisang dan ubi.

bersama mereka.

Dalam pada itu menurut Henry Sum Agong, di sekitar desa Long Semadoh terdapat banyak sumber pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

"Sekiranya sebelum ini hasil pertanian seperti ubi, pisang dan nanas hanya dimakan segar kini anda sudah boleh menikmati kerepek segar serta jem yang dimasak sendiri.

"Saya melihat ini sebagai suatu peluang perniagaan yang baik, di mana hasil industri asas tani boleh dijual kepada syarikat pembalakan tempatan atau di bawa ke bandar Lawas," katanya.

Produk kerepek dan jem yang

dihasilkan dapat bertahan lama berbanding hasil pertanian segar, oleh yang demikian mereka ada masa yang panjang untuk memasarkannya.

Berbanding hasil segar, penduduk desa Long Semadoh perlu memasarkan dengan lebih cepat kerana jangka hayat produk pertanian tidak dapat bertahan lama.

Kekangan tersebut menyebabkan penduduk desa tidak dapat memperoleh pendapatan yang sepatutnya sekali gus mengalami kerugian jika hasil pertanian rosak.

"Bagi kompos yang dihasilkan juga boleh dipasarkan kepada syarikat-syarikat pengedar baja dan bahan pertanian kerana saya yakin kompos yang dihasilkan di sini (Long Semadoh) mempunyai kualiti yang terbaik," katanya.

Pembangunan pusat tersebut

di harap dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh penduduk desa Long Semadoh sekali gus menjadi contoh kepada kampung-kampung lain di parlimen Lawas terutamanya.

Tambah Henry, penglibatan warga UPM dalam membantu merencanakan pembangunan desa tersebut khususnya dalam bidang pertanian, keusahawanan serta pembangunan koperasi industri asas tani.

Selain itu, isu dan cabaran yang di desa tersebut juga boleh dijadikan bahan atau medium penyelidikan pensyarah dan mahasiswa UPM.

"Diharapkan segala bantuan dan kerjasama daripada UPM, Jabatan Hutan Sarawak dan pelbagai lagi pihak dapat diteruskan untuk membantu warga kampung Long Semadoh untuk meningkatkan kualiti hidup mereka," katanya.



**DR. HAWA ZE JAAFAR** menerangkan tentang baja kompos yang dihasilkan kepada Henry Sum Agong (kanan).



**HENRY SUM AGONG** (depan, enam dari kanan) dan Dr. Hawa Ze Jaafar (tujuh dari kanan) bergambar bersama penduduk desa Long Semadoh, Lawas, Sarawak.

PADI merupakan antara tanaman utama penduduk desa Long Semadoh, Lawas, Sarawak.